

Peralihan monsun dijangka redakan jerebu

BHARIAN 22/9/14 MS 14

Kuala Lumpur: Fasa peralihan monsun yang dijangka berlaku pada 24 September hingga awal November ini mampu memulihkan masalah jerebu di seluruh negara.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) dalam kenyataan semalam, memaklumkan sepanjang tempoh berkenaan, kawasan serantau negara akan menerima tiupan angin dari pelbagai hala dengan kelajuan lemah dan berpotensi untuk pembentukan awan ribut petir.

"Fasa peralihan ini sekali gus menandakan berakhirnya Monsoon Barat Daya yang sudah bermula sejak 6 Mei lalu," katanya.

MetMalaysia turut memberi amaran akan berlaku banjir kilat berikutan berlaku ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang.

"Ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam jangka singkat terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, pantai barat Sabah, kawasan barat dan tengah Sarawak," katanya.

Masalah jerebu di Semenanjung semalam pula, tidak menunjukkan sebarang perubahan ketara berbanding kelmarin dengan beberapa lokasi masih menunjukkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap kurang sihat.

Bacaan IPU di sekitar ibu negara setakat jam 7 pagi masih tidak sihat dengan Batu Muda dan Cheras masing-masing mencatat bacaan IPU 133 dan 142,

manakala 141 di Putrajaya.

Di **Selangor**, empat lokasi turut mencatat bacaan IPU tidak sihat membabitkan Petaling Jaya (127), Shah Alam (107), Banting (118) dan Johan Setia, Klang (138).

Dua lokasi di Negeri Sembilan juga mencatat IPU tidak sihat pagi semalam membabitkan Nilai dengan bacaan 137 dan Seremban di tahap 118.

Di **Johor**, satu lokasi masih mencatatkan bacaan IPU tidak sihat iaitu Segamat dengan IPU 116.

Bagaimanapun, keadaan jerebu di Sarawak semakin baik apabila IPU di tujuh lokasi setakat jam 8 pagi menurun, namun masih berada di tahap tidak sihat.

Bacaan IPU di Miri menurun kepada 96 pagi semalam iaitu paras sederhana berbanding jam 9

malam kelmarin (108).

Dua lokasi iaitu Bintulu dan Mukah pula, masing-masing mencatatkan bacaan IPU 105 dan 109.

Di Sarikei, bacaan IPU terkini ialah 136, manakala di Sri Aman ada perubahan amat positif apabila bacaan IPU turun daripada paras berbahaya (404) pada jam 9 malam kelmarin kepada 170 pagi semalam.

Sementara itu, Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, Selangor mencatatkan peningkatan sehingga 25 peratus pesakit asma akibat jerebu.

Beliau berkata, selain asma, penyakit lain seperti jangkitan saluran pernafasan dan konjunktivitis, masing-masing mencatatkan peningkatan tiga peratus.